

Mangsa banjir Sarawak bertambah

Fenomena air pasang besar meningkatkan paras air di beberapa tempat seperti Kuching, Bau dan Serian



Pekan Lundu turut dinaiki air untuk beberapa jam selepas kerana fenomena air pasang besar.

KUCHING - Fenomena air pasang besar lewat petang kelmarin dan awal pagi semalam, mengakibatkan beberapa tempat di daerah Kuching, Bau dan Serian terus digenangi air selain jumlah penduduk terutama yang tinggal berhampiran Sungai Sarawak di sini yang dipindahkan ke pusat-pusat pemindahan banjir malam tadi, terus meningkat dengan ketara.

Pegawai Perhubungan Awam Jabatan Pertahanan Awam (JPAM) Sarawak, Siti Huzaimah Ibrahim berkata, sehingga tengahari jumlah penduduk yang dipindahkan ke pusat-pusat pemindahan banjir di daerah berkenaan melonjak kepada 5,578 orang pagi daripada 3,230 orang malam kelmarin.

Beliau berkata, ketika ini terdapat 21 pusat pemindahan banjir dibuka di daerah Kuching, manakala lima lagi di daerah Bau, dan

dua di daerah Serian.

Bagaimanapun menurutnya, air di Sungai Sarawak kelihatan mulai surut, dengan kebanyakan kawasan terjejas sejak malam kelmarin masih digenangi air, dan akan mengambil sedikit masa untuk surut sepenuhnya.

Semalam antara tempat yang menyaksikan pemindahan ramai penduduk berhampiran bandaraya Kuching, sekitar Batu Kitang, Kampung Bintawa, Kampung Panglima Seman, Batu Kawa, Tupong Jaya dan Kampung Pulo.

Walaupun hujan renyai-renyai sekali sekala di kebanyakan tempat di Sarawak sejak kebelakangan ini dilihat semakin berkurangan, namun fenomena air pasang besar ketika ini mengakibatkan keadaan banjir di daerah berkenaan mengambil masa untuk pulih sepenuhnya. - *Bernamea*

Pecol™

Inovasi Dalam Tenaga Hijau sejak 1968



Solar Big System

Penjimatan Berganda Harus Dimiliki Setiap Rumah!

Menggabungkan **Pecol Hybrid Eco Solar Water Heater** berkapasiti sehingga 66 gelen air serta **Pecol Double Solar Panels** yang mampu menghasilkan tenaga solar berganda bagi penjimatan kos yang maksimum.